


sisiterk in islam

TELENISA

STATISTIK
& DAPATAN 2021



TELENISA



Diterbitkan oleh

SIS Forum (Malaysia) - Sisters in Islam
No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

T +603 7960 3357 / 5121 / 6733

E sis@sistersinislam.org.my

W www.sistersinislam.org

Penulis

Ireeny Muzammel, Syafiqah Fikri Abazah

Penyelia

Rozana Isa, Adam Idris

Reka Letak

Teddie Goh

سisters in Islam



Sisters in Islam @officialSIS



@sistersinislam.my



@SistersInIslam



Sisters in Islam MYS

TELENISA



Telenisa @telenisa.sis



@telenisa



@telenisa_sis

TELENISA



Kandungan

3 KATA-KATA ALUAN PENGARAH EKSEKUTIF

4 KLIEN KAMI

- Demografi Klien
- Kaedah Komunikasi
- Lokasi
- Pekerjaan & Pendapatan Isi Rumah
- Bantuan Yang Diminta – Akses Ke Pengadilan
- Taraf & Tempoh Perkahwinan
- Penglibatan & Kebimbangan Tentang Perkahwinan Poligami

11 HAK ISTERI

- Pertanyaan Berkaitan Perceraian & Punca Perceraian
- Jenis Keganasan Yang Dihadapi Wanita
- Isu-isu Yang Mempengaruhi Isteri
- Ta'liq Tambahan Adalah Hak Wanita Muslim

20 HAK KANAK-KANAK

- Isu-isu Berkaitan Kanak-Kanak
- Perkahwinan Kanak-Kanak & Hala Tujunya Di Malaysia

29 BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMBANTU?

Kata-kata Aluan Pengarah Eksekutif

Assalamualaikum semua,

Ini adalah tahun keenam Sisters in Islam (SIS) menerbitkan buku Statistik & Dapatan Telenisa. Data yang dibentangkan di dalam buku tahunan ini dikumpulkan daripada Klinik Guaman Telenisa yang telah dikendalikan oleh SIS sejak tahun 2003.

Daripada buku Statistik & Dapatan Telenisa ini saya dapati terdapat tiga isu utama iaitu:

- 1 Telenisa merupakan perkhidmatan yang amat penting dalam menyebarkan maklumat berkenaan hak undang-undang dalam perkahwinan kepada wanita golongan B40. Terdapat peningkatan klien sebanyak 75% di kalangan B40 (golongan berpendapatan rendah) jika dibandingkan dengan 60% pada tahun 2020.
- 2 Punca perceraian yang utama adalah kegagalan komunikasi pada 25%. Keganasan rumah tangga kekal sebagai salah satu punca perceraian semasa musim pandemik sebanyak 23% untuk tahun 2020 dan juga 2021.
- 3 Telenisa mendapati 2021 sebagai tahun dengan tuntutan ke atas harta sepencarian yang tertinggi sejak 2018. Peratusannya berada pada 27% pada 2018, turun ke 20% pada 2019 dan terus berkurangan ke 17% pada 2020. Namun pada 2021, tuntutan harta sepencarian melonjak naik ke 30%.

Saya berasa kita semua di Malaysia masih belum lagi selesai menghadam betapa beratnya kesan pandemik ke atas kehidupan dan pertalian kekeluargaan. Data dan maklumat yang dikumpulkan menunjukkan institusi kekeluargaan mengalami pertalian yang regang dan tertekan. Kesan negatif ke atas ekonomi dan punca pendapatan turut meningkatkan kesedaran terhadap hak seorang isteri ke atas harta sepencarian.

Beberapa tahun lalu, Sisters in Islam dengan jayanya telah meningkatkan kesedaran terhadap hak isteri ke atas ta'liq tambahan. Ta'liq tambahan yang diunjurkan oleh isteri adalah sah di sisi undang-undang dan tradisi perundangan Islam. Saya difahamkan terdapat keengganan di pihak yang berkuasa untuk mendaftarkan ta'liq tambahan yang diunjurkan oleh isteri. Pasangan tersebut akan diberitahu yang ia adalah proses yang rumit untuk dilaksanakan. Pihak berkuasa tersebut mungkin tidak pasti jika ta'liq tambahan adalah sah atau dibenarkan. Atau mungkin secara sengaja berlengah untuk memberi wanita hak yang sah dituntut.

Saya berharap data dan maklumat yang kami sampaikan di sini akan membantu anda dalam memahami betapa perlunya pembaharuan dan penambahbaikan berkenaan hak wanita dalam sesebuah keluarga. Saya turut berharap anda akan menyokong perjalanan kami untuk membawa perubahan ini.

Akhir sekali, saya ingin berterima kasih kepada warga Telenisa untuk semangat dan iltizam yang tinggi berkhidmat untuk masyarakat semasa waktu yang mencabar ini. Usaha ini tidak akan berjaya tanpa mereka dan tanpa seluruh warga kerja kami. Apa yang pandemik ini telah mengajar kita lebih daripada yang dijangkakan ialah kita amat memerlukan satu sama lain.



ROZANA ISA
Pengarah Eksekutif
Sisters in Islam


The background is a light blue gradient. At the top, there are stylized clouds in shades of orange and white. At the bottom, there are stylized clouds in shades of dark purple and white. In the center, a dark blue cloud contains the text 'Klien Kami'. Surrounding this central cloud are several white paper doves in flight, some holding small purple branches. The overall style is clean and modern.

Klien Kami

Klien Kami

Sepanjang tahun 2021, Telenisa telah menyalurkan perkhidmatan kami kepada 426 orang klien, di mana 221 daripadanya merupakan klien berulang yang kembali menggunakan perkhidmatan kami. Ini merupakan satu peningkatan dari tahun 2020 di mana 422 orang klien telah diberi perkhidmatan tetapi hanya 58 orang sahaja adalah klien berulang. Peningkatan ini berlaku kerana lebih ramai klien menghubungi kami untuk mendapatkan khidmat susulan setelah Mahkamah Syariah kembali beroperasi pada tahun 2021.

Klien Baharu & Klien Berulang 2020 & 2021





Secara majoritinya, 392 klien (92%) terdiri daripada perempuan dan hanya 34 klien (8%) terdiri daripada lelaki.



KAEDAH KOMUNIKASI

Tahun 2021 menyaksikan seramai 369 orang klien (87%) telah menghubungi kami melalui telefon, termasuk pesanan teks melalui Whatsapp, diikuti oleh Facebook dengan 52 klien (12%) dan 5 klien (1%) menghubungi melalui e-mel. Tiada perundingan bersemuka diadakan sepanjang tahun 2021.

Lokasi Klien (2021)



LOKASI

Data lokasi yang telah dikumpulkan menunjukkan 99% (420) daripada klien kami menetap di Malaysia, sementara 6 orang klien (1%) menghubungi kami dari luar negara. Sebanyak 72% (297) daripada klien kami berpusat di Lembah Klang, di mana 240 orang daripada mereka menetap di Selangor, diikuti oleh Kuala Lumpur dengan 54 klien dan Putrajaya dengan 3 klien.


Sebanyak 30% (129) selebihnya menetap di negeri-negeri lain di Malaysia, termasuk juga di luar negara. Negeri Johor mempunyai seramai 22 klien, Terengganu dengan 18 klien, Negeri Sembilan dengan 13 klien, Kedah seramai 12 klien dan Pahang dengan 8 klien. Kedua-dua negeri Perak dan Kelantan masing-masing mempunyai 6 klien, Melaka seramai 5 klien, Pulau Pinang dan Perlis masing-masing dengan 4 klien dan selebihnya, 6 orang klien menghubungi kami dari luar negara. Telenisa turut menerima 25 klien dari Borneo Malaysia—Sabah dengan 22 klien dan Sarawak seramai 3 klien.

PEKERJAAN & PENDAPATAN ISI RUMAH


Daripada jumlah 429 klien Telenisa dalam tahun 2021, sebanyak 37% klien bekerja sebagai staf sokongan, diikuti oleh suri rumah dengan 19%. Klien yang berkerjaya profesional sebanyak 13%, klien yang bekerja sendiri pada 12%, sektor lain-lain dengan 8%, tidak bekerja pada 7% dan pelajar sebanyak 4%.

Berdasarkan dapatan tahun 2021, 75% klien kami terdiri daripada golongan B40 (golongan berpendapatan rendah), peratusan yang telah meningkat dari 60% pada 2020. Golongan B40 adalah kumpulan yang disahkan menerima pendapatan tidak melebihi RM4,850 sebulan. Sebanyak 38% klien dari golongan ini menerima gaji bulanan di antara RM2,500.01 hingga RM5,000.00,

Pekerjaan



Klasifikasi Pendapatan Isi Rumah (2020-2021)




sementara 27% menerima di antara RM1,001.00 hingga RM2,500.00, dan 10% lagi hanya menerima kurang daripada RM1,000.00 sebulan.

Pada tahun 2021, terdapat peningkatan peratusan sebanyak 17% dari hanya 10% pada 2020, iaitu peningkatan klien kami yang terdiri daripada golongan M40 (golongan berpendapatan pertengahan) yang menerima pendapatan di antara RM4,851 hingga RM10,970 sebulan. Di dalam golongan M40 ini, sebanyak 5% terdiri daripada klien kami yang menerima di antara RM5,001.00 hingga RM7,500.00 sebulan, dan selebih 12% lagi terdiri daripada klien pertengahan atas yang menerima pendapatan melebihi RM7,500.00 sebulan. Sebilangan kecil 8% daripada klien kami tidak mendedahkan pendapatan isi rumah mereka.

BANTUAN YANG DIMINTA – AKSES KE PENGADILAN

Sebanyak 90% daripada klien kami meminta khidmat nasihat guaman dan perundangan sebagai bantuan, sementara 5% lagi meminta bantuan perwakilan guaman. Sebilangan 4% mencari bantuan kaunseling dan 1% lagi mencari tempat perlindungan yang selamat.


Walaupun majoriti daripada klien kami (98%) tidak mempunyai perwakilan guaman, namun hanya 8% sahaja yang mencari perkhidmatan tersebut.




Sejumlah 56% daripada klien kami bekerja sebagai staf sokongan dan suri rumah, dan mereka juga terdiri daripada golongan B40 (golongan berpendapatan rendah). Klien kami menghadapi kesukaran untuk membayar yuran guaman disebabkan oleh kadar yuran guaman yang tidak pernah dikawal dan terlalu mahal. Berikutan ini, Telenisa akan membantu dengan memperkenalkan klien kami kepada Jabatan Bantuan Guaman Malaysia (JBG) di bawah pengelolaan Jabatan Perdana Menteri dan The Bar Council Legal Aid Centre di bawah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Disebabkan oleh senarai menunggu yang lama atau kes yang memerlukan tindakan segera, klien kami lazimnya akan membuat keputusan untuk mewakili diri tanpa peguam di Mahkamah Syariah, dan ini adalah dibenarkan. Namun, mewakili diri tanpa peguam mungkin akan membawa kerugian kerana tidak fasih dengan sistem perundangan atau tiada pengalaman dalam tatacara mahkamah. Walaupun akses ke pengadilan itu wujud dan boleh dicapai, namun masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu diharungi untuk memastikan kelangsungan proses perundangan dan perbicaraan yang adil dan saksama.

TARAF & TEMPOH PERKAHWINAN

Data Telenisa yang dikumpulkan dari tahun 2021 juga mengambil kira taraf perkahwinan klien kami. Sebanyak 58% daripada klien kami telah bercerai, diikuti oleh 16% yang sedang menjalani proses perceraian. Kami mendapati 12% klien masih berkahwin dan 8% klien sudah berpisah. Klien yang bertaraf lain-lain dihitung sebanyak 3%, manakala klien yang masih bujang pada 2% dan selebihnya 1% adalah balu yang kematian suami.



Tempoh Perkahwinan (2020-2021)




Pada 2021, 31% klien yang sudah berkahwin mempunyai tempoh perkahwinan selama 4 hingga 7 tahun, diikuti oleh 29% klien yang sudah berkahwin melebihi 10 tahun. Sebanyak 16% klien tidak mendedahkan tempoh perkahwinan mereka, manakala 11% lagi sudah berkahwin selama 1 hingga 3 tahun. Klien yang mempunyai tempoh perkahwinan di antara 8 hingga 10 tahun telah dihitung pada 9% dan klien yang baru berkahwin kurang dari setahun adalah sebanyak 4%.

PENGLIBATAN & KEBIMBANGAN TENTANG PERKAHWINAN POLIGAMI


Mengikut data 2021, sejumlah 51 klien (12%) mempunyai taraf perkahwinan poligami, di mana 35 klien (8%) bertaraf isteri pertama dan 16 klien (4%) bertaraf isteri kedua. Ini adalah satu peningkatan dari tahun 2020 dengan hanya 30 klien (7%) yang berkahwin poligami, di mana 22 daripadanya (5%) bertaraf isteri pertama dan 6 lagi (1%) bertaraf isteri kedua, manakala selebih 2 klien (0.5%) adalah suami. Tiada klien kami yang bertaraf isteri ketiga atau keempat telah direkodkan.

Dua kebimbangan utama yang telah diunjurkan oleh klien yang terlibat dalam perkahwinan poligami adalah terdiri daripada isu di mana suami tidak membayar nafkah (24%) dan suami yang telah berkahwin lagi tanpa restu atau persetujuan isteri. Isu lain yang telah diunjurkan termasuk perkahwinan poligami yang tidak berdaftar (17%), sementara 9% lagi adalah isu-isu lain yang pelbagai.

Penglibatan Dalam Perkahwinan Poligami



Isu-isu Berkaitan Perkahwinan Poligami



Isu yang berkaitan dengan ketidakadilan dalam pengurusan giliran dan isu suami yang tidak memberi nafkah anak telah masing-masing direkodkan pada 8%. Sebanyak 6% lagi adalah isu isteri yang tidak bahagia dalam perkahwinan poligami, isu suami melarikan diri pada 5% dan perkahwinan poligami tanpa pengetahuan isteri pada 1%.

Antara pertanyaan yang diterima Telenisa berkaitan poligami adalah berkenaan pengesahan taraf perkahwinan jika suami terlibat dengan poligami. Persoalan juga dibangkitkan mengenai tatacara mahkamah yang memberi kebenaran kepada suami untuk berpoligami tanpa pengetahuan isteri, termasuk juga pertanyaan berkaitan poligami yang menyalahi undang-undang. Klien kami turut mempersoalkan mengapa persetujuan atau keizinan dari isteri tidak diambil kira dalam permohonan untuk berpoligami. Pertanyaan lain yang dibangkitkan adalah berkenaan hak seorang isteri untuk menuntut harta sepencarian dalam perkahwinan poligami.



Hak İsteri

Hak Isteri

PERTANYAAN BERKAITAN PERCERAIAN & PUNCA PERCERAIAN


Tiga pertanyaan utama berkaitan perceraian sepanjang 2021 adalah fasakh, ta'liq dan talaq. Pertanyaan mengenai fasakh direkodkan tertinggi pada 58%, namun peratusan ini menurun dari 68% pada 2020. Pertanyaan berkenaan ta'liq direkodkan pada 16%, manakala talaq (dalam mahkamah) direkodkan pada 15%. Telenisa telah membuat perbandingan di antara tahun 2020 dan 2021 untuk tiga pertanyaan utama berkaitan perceraian.

Sejak tahun 2016, fasakh kekal sebagai pertanyaan terbanyak yang diterima berkaitan perceraian. Fasakh ialah cara perceraian yang dimulakan oleh isteri, lazimnya apabila suami enggan melafazkan cerai melalui talaq.

Bercerai secara ta'liq berlaku apabila suami melanggar atau tidak menepati sesuatu syarat dalam senarai ta'liq. Contohnya, suami yang mengabaikan dan meninggalkan isteri keseorangan tanpa memberi nafkah melebihi 4 bulan, maka isteri boleh membuat laporan dan memohon perceraian di Mahkamah Syariah.

Perceraian talaq boleh berlaku dalam dua situasi: talaq yang dilafazkan di luar mahkamah atau talaq yang dilafazkan di dalam mahkamah. Melafazkan talaq di luar mahkamah, sebagai contoh di rumah atau melalui telefon, adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 124 (*Perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah*) Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Akta 1984. Kesalahan ini boleh dihukum denda tidak melebihi

Tiga Pertanyaan Perceraian Tertinggi (2020-2021)




satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Permohonan untuk mengesahkan talaq yang dilafazkan di luar mahkamah haruslah dibuat ke Mahkamah Syariah.

Untuk talaq yang dilafazkan di dalam mahkamah, ia haruslah dilafazkan di depan kehadiran hakim Syarie. Tatacara ini lazimnya dijalankan apabila kedua-dua pihak bersetuju untuk bercerai atau apabila suami berkeras untuk bercerai.

PERTANYAAN BERKAITAN PERCERAIAN & PUNCA PERCERAIAN

Kegagalan komunikasi adalah punca perceraian yang tertinggi sepanjang 2021 yang telah direkodkan pada 25%. Ini diikuti oleh keganasan rumah tangga pada 23% di mana ia kekal sebagai satu daripada empat punca utama perceraian sejak tahun 2018. Punca ketiga yang tertinggi direkodkan pada 20% adalah situasi yang sering berlaku iaitu suami yang gagal memberi nafkah, satu peningkatan dari 18% pada tahun 2020. Kecurangan dicatatkan sebagai keempat tertinggi pada 11%, diikuti oleh poligami pada 8%. Telenisa telah membuat perbandingan dari tahun 2019 hingga 2021 untuk empat punca perceraian yang tertinggi.

Empat Punca Perceraian Tertinggi (2019-2021)



JENIS KEGANASAN YANG DIHADAPI WANITA

Sepanjang 2021, Telenisa telah menerima aduan berkaitan keganasan rumah tangga sebanyak 303 kes iaitu yang tertinggi pernah direkodkan sejak 2019. Penderaan psikologi dan emosi adalah penderaan yang tertinggi direkodkan dengan 129 kes, diikuti oleh penderaan fizikal dengan 100 kes. Penderaan sosial dan manipulasi kewangan masing-masing dengan 30 kes dan penderaan seksual dengan 14 kes. Telenisa telah membuat perbandingan di antara pelbagai jenis keganasan yang direkodkan dari tahun 2019 hingga 2021.

Berdasarkan pemerhatian Telenisa, penderaan psikologi yang dilakukan ke atas klien kami adalah dalam bentuk ugutan, penghinaan, memaksa rasa bersalah, *gaslighting*¹ dan manipulasi. Klien kami turut berkongsi bagaimana


penderaan psikologi tersebut telah membuat mereka berasa takut, tertekan, murung dan resah. Klien kami turut mengakui yang penderaan sebegini sudah berlaku selama beberapa tahun sehingga mereka memutuskan untuk mendapatkan bantuan.

Lazimnya, klien yang terpaksa mendepani penderaan psikologi turut mengharungi keganasan rumah tangga yang lain seperti penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan sosial dan manipulasi kewangan. Terdapat juga kes di mana penderaan psikologi adalah satu-satunya bentuk keganasan rumah tangga yang dialami oleh klien kami.

Antara kebimbangan yang timbul berkaitan permohonan untuk bercerai adalah kesukaran untuk menunjukkan bukti kepada Mahkamah Syariah bahawa mereka telah mengalami penderaan psikologi. Telenisa turut menerima pertanyaan berkaitan jenis dokumen yang diperlukan untuk membuktikan kepada mahkamah yang mereka telah mengalami penderaan emosi dan psikologi tersebut. Klien juga mengajukan jika Mahkamah Syariah membenarkan perceraian dilakukan yang disebabkan oleh penderaan emosi dan psikologi. Adakah bukti penderaan psikologi sebagai punca perceraian akan menjejaskan tuntutan hak jagaan anak (hadhanah) mereka? Jika mahkamah menolak permohonan tuntutan penderaan psikologi sebagai punca perceraian, adakah mereka terpaksa kekal berkahwin dengan pendera mereka? Adakah ini juga bermaksud yang mereka terpaksa tinggal serumah dengan pendera mereka? Ini adalah beberapa persoalan yang ingin diselesaikan oleh klien kami.

Antara dokumen penting untuk ditunjukkan kepada mahkamah adalah laporan perubatan daripada pakar psikiatri di hospital kerajaan. Tuntutan penderaan

Jenis-jenis Keganasan (2019-2021)



¹ *gaslighting* - dimanipulasi untuk meragukan fikiran/kewarasan dan emosi diri sendiri


psikologi sebagai punca perceraian tidak akan menjejaskan tuntutan hak jagaan, melainkan penderaan tersebut telah menyebabkan kerosakan mental yang tidak dapat dipulihkan sehingga seseorang ibu itu tidak dapat menjaga anaknya. Dalam membuat penilaian sekiranya penderaan psikologi dan emosi dinamakan sebagai punca perceraian, kita hanya boleh bergantung kepada pendapat dan keputusan hakim dan bukan kepada undang-undang semata. Jika mahkamah menolak permohonan untuk bercerai, ini bermakna isteri tersebut masih lagi berkahwin kepada suaminya yang pendera. Adalah penting bagi mangsa penderaan untuk membuat laporan polis ke atas setiap kejadian keganasan rumah tangga dan terus memohon untuk mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara (IPO) atau Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO). Laporan dan dokumen ini kemudiannya boleh digunakan di mahkamah sebagai bukti bahawa pemohon telah mengalami penderaan.

Masyarakat kita sering menyamakan keganasan dengan seksaan fizikal. Kini sudah tiba masanya untuk mendidik masyarakat kita bagi mengenal pasti pelbagai jenis keganasan lain yang bukan sahaja fizikal iaitu keganasan seperti penderaan psikologi dan emosi, termasuk juga penderaan seksual dalam perkahwinan di antara suami dan isteri.

ISU-ISU YANG MEMPENGARUHI ISTERI


Klien kami agak peka tentang hak mereka semasa berkahwin dan selepas bercerai. Isu utama yang sering diangkat oleh klien kami adalah isu berkenaan hak kepada nafkah (50%). Isu kedua tertinggi adalah berkaitan harta sepencarian (30%), diikuti oleh nusyuz (10%). Nusyuz sering dikaitkan dengan keingkaran dan keengganan isteri terhadap permintaan atau perintah suami.

Isu-isu Yang Mempengaruhi Isteri




Isteri sering kali berasa ditakutkan oleh suami yang suka menguasai, memerah perasaan bersalah atau menggertak mereka dengan menggunakan nusyuz supaya isteri akan gagal jika ingin menuntut nafkah dan hak jagaan (hadhanah) kelak. Isteri seolah dipaksa untuk tidak keluar dari rumah jika tiada keizinan suami. Walaupun isteri terpaksa keluar dari rumah untuk mendapatkan pertolongan atau perlindungan, isteri tersebut akan diisytiharkan nusyuz. Isu berkaitan muta'ah dan nafkah iddah turut menjadi perhatian klien kami dengan masing-masing direkodkan pada 5%.

Tahun 2021 menyaksikan kebanyakan isteri terpaksa mengharungi kepayahan menangani isu berkaitan nafkah. Sebanyak 76% daripada klien kami mendedahkan bahawa suami mereka tidak memberi nafkah yang mencukupi dan mengharapkan isteri menguruskan hidup dengan seberapa sikit yang diberi. Isteri juga diharapkan untuk menguruskan perbelanjaan membeli keperluan rumah walaupun isteri tidak bekerja. Isu kedua yang isteri perlu hadapi adalah pelanggaran perintah mahkamah oleh suami atau bekas suami berkenaan nafkah (11%). Isu ketiga tertinggi yang direkodkan adalah isu suami yang tidak bekerja (10%).



Telenisa menyaksikan 2021 sebagai tahun dengan tuntutan harta sepencarian yang tertinggi pernah direkodkan sejak 2018. Lebih ramai wanita kini peka tentang hak sebagai seorang isteri dan ingin menuntut hak mereka ke atas harta sepencarian. Peratusan pada 2018 telah direkodkan sebanyak 27%, di mana ia menurun ke 20% pada 2019 dan terus merosot ke 17% pada 2020. Namun, tuntutan harta sepencarian telah melonjak naik ke 30% untuk tahun 2021.




TA'LIQ TAMBAHAN ADALAH HAK WANITA MUSLIM

Ta'liq ialah satu perjanjian yang dibuat oleh suami selepas melangsungkan perkahwinan. Di Malaysia, ta'liq dilafazkan oleh suami sebaik selepas Akad disahkan. Ta'liq tersebut akan direkodkan sebagai Surat Perakuan Ta'liq yang akan dicetak di belakang Surat Perakuan Nikah. Isteri boleh membuat aduan ke Jabatan Agama jika terdapat isu pelanggaran ta'liq. Isteri juga boleh membuat permohonan perceraian di Mahkamah Syariah, di mana punca perceraian akan berdasarkan ta'liq yang telah direkodkan di belakang Surat Perakuan Nikah.

Berdasarkan ta'liq yang mengikut piawaian semua negeri di Malaysia, isteri dibenarkan untuk membuat aduan dan permohonan perceraian jika:

- 1 Isteri dianiaya dan ditinggalkan suami melebihi 4 bulan Hijrah yang berturutan, sama ada secara paksa atau sukarela;
- 2 Suami atau wakilnya tidak menyediakan nafkah selama 4 bulan Hijrah yang berturutan, dan Mahkamah Syariah tidak mengisytiharkan isteri sebagai nusyuz;
- 3 Suami menyebabkan kemudaratan ke atas tubuh isteri, mendera isteri atau melakukan jenis-jenis penyiksaan yang termaktub di bawah undang-undang Syariah.

Pertanyaan Berkenaan Ta'liq Tambahan



Dari tahun 2019 hingga 2021, Telenisa telah menerima sebanyak 34 pertanyaan berkenaan ta'liq tambahan. Berdasarkan pemerhatian menerusi statistik tahunan kami dan juga interaksi di media sosial, wanita kini lebih peka dengan hak mereka untuk meletakkan ta'liq tambahan bersama ta'liq yang biasa.

Dua jenis ta'liq tambahan yang sering diminta oleh isteri adalah:

- 1 Suami tidak dibenarkan untuk melangsungkan perkahwinan poligami tanpa restu dan persetujuan isteri, dan
- 2 Suami tidak boleh menghalang hak isteri untuk bekerja atau meneruskan pelajaran.

Namun, ramai wanita memberitahu kami walaupun berkali-kali mereka meminta Pendaftar Perkahwinan atau pegawai agama untuk mendaftarkan ta'liq tambahan mereka, permintaan tersebut dicemuh dan ditolak. Walaupun ta'liq tambahan tersebut telah dipersetujui oleh kedua-dua bakal suami dan isteri, tetapi Pendaftar Perkahwinan sering menolak untuk memasukkan ta'liq tambahan dengan hanya mengekalkan ta'liq biasa. Pendaftar Perkahwinan atau pegawai agama akan memberi alasan yang pelbagai syarat perlu dipenuhi, contohnya, memerlukan kelulusan daripada Mahkamah Syariah dan sebagainya. Sebenarnya, tiada kelulusan daripada mahkamah diperlukan untuk mendaftar ta'liq tambahan. Pendaftar Perkahwinan tersebut mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan kerjanya dengan mendaftar ta'liq tambahan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua suami dan isteri.

Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia membenarkan ta'liq tambahan. Di bawah Seksyen 22 (*Catatan dalam Daftar Perkahwinan*) Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Enakmen 2003 menyatakan bahawa sebaik selepas akad nikah suatu perkahwinan dilakukan, Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan ta'liq yang ditetapkan atau ta'liq lain bagi perkahwinan itu di dalam Daftar Perkahwinan. Catatan itu hendaklah diakui oleh pihak-pihak kepada perkahwinan itu, oleh wali, dan oleh dua orang saksi, selain Pendaftar, yang hadir semasa perkahwinan itu diadnikahkan. Akhir sekali, catatan itu hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar tersebut.

Tambahan lagi, Seksyen 26 (*Surat perakuan nikah dan surat perakuan ta'liq*) Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Enakmen 2003 menyatakan bahawa selepas mendaftarkan perkahwinan dan selepas dibayar yuran yang ditetapkan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan Surat Perakuan Nikah kepada kedua-dua pihak bagi perkahwinan itu. Pendaftar hendaklah juga, selepas yuran yang ditetapkan dibayar, mengeluarkan Surat Perakuan Ta'liq kepada setiap satu pihak bagi perkahwinan tersebut.



Ini adalah satu tanggapan yang salah dalam masyarakat kita di mana meletakkan syarat ta'liq tambahan yang mengharamkan perkahwinan poligami adalah salah atau tidak dibenarkan dalam Islam. Sukaynah binti Husein, cicit keturunan Nabi Muhammad SAW, beliau sendiri telah meletakkan syarat yang tidak membenarkan suaminya untuk melangsungkan perkahwinan poligami. Semakin ramai wanita lebih peka dan menyedari akan hak mereka berkenaan ta'liq tambahan dalam perkahwinan. Telenisa berpendirian bahawa ta'liq tambahan patut didaftarkan dan tidak boleh dilarang atau dihalang tanpa sebab yang adil.




Hak Kanak-Kanak

Hak Kanak-Kanak

ISU-ISU BERKAITAN KANAK-KANAK

Sepanjang 2021, sejumlah 282 kanak-kanak telah terjejas kehidupan mereka oleh isu dewasa ibu bapa yang tidak dapat diselesaikan. Daripada jumlah di atas, seramai 236 kanak-kanak telah direkodkan berumur bawah 18 tahun dan 46 selebihnya melebihi 18 tahun.

Umur Kanak-kanak Yang Terlibat



Isu berkaitan nafkah anak masih mencatatkan peratusan tertinggi pada 50%. Isu kedua tertinggi adalah berkenaan isu hak jagaan anak (hadhanah) pada 34%, diikuti oleh isu anak tidak sah taraf pada 14%, isu pengambilan anak angkat pada 3% dan isu anak jagaan atau perwalian pada 1%.

Antara punca timbulnya isu-isu berkenaan nafkah anak adalah disebabkan oleh bapa yang gagal menyediakan nafkah anak yang mencukupi (64%), diikuti oleh bapa yang tiada pekerjaan (16%), bapa yang langsung tidak memberi sebarang nafkah (14%), dan bapa yang melanggar perintah mahkamah berkaitan nafkah (6%).

34%
Hak Jagaan

50%
Nafkah Anak


12%
Anak Tidak Sah Taraf

3%
Anak Angkat


1%
Anak Jagaan atau Perwalian

Isu-isu Berkaitan Kanak-Kanak

Isu-isu Berkaitan Nafkah Anak



Isu-isu Berkaitan Hak Jagaan Anak (2019-2021)



Isu hak jagaan telah mengalami perubahan sepanjang beberapa tahun. Pada 2019, isu yang paling ketara adalah berkaitan hak lawatan anak pada 88%. Akan tetapi, sepanjang musim pandemik yang menyekat pergerakan, hak lawatan

anak menjadi semakin sukar untuk dilaksanakan ibu bapa. Pada tahun 2020, isu pertikaian terhadap tuntutan hak jagaan anak telah meningkat kepada 52% jika dibandingkan dengan 2% pada 2019. Sepanjang tahun 2021 pula, kami mendapati peratusan berkenaan pertikaian hak jagaan menjunam ke 1%.

Pemerhatian kami terhadap isu pemelarian anak yang telah meningkat dari 9% ke 29% dalam setahun adalah amat membimbangkan. Disebabkan oleh bebanan masalah kewangan dan kesuntukan masa untuk menyelesaikan masalah di mahkamah, ramai ibu bapa mahukan tindakan segera dijalankan berkaitan isu anak. Kadang kala, ibu bapa akan mengambil jalan mudah dengan melarikan anak mereka sendiri, lalu memisahkan anak tersebut daripada pihak ibu atau bapa yang lain. Tindakan seperti ini akan menjejaskan hak lawatan yang memutuskan terus pertalian di antara anak dan ibu atau bapa yang bertentangan. Perbuatan melarikan anak akan menjejaskan didikan dan perkembangan emosi kanak-kanak tersebut. Penjagaan anak adalah satu tanggungjawab bersama yang patut dilaksanakan oleh kedua-dua ibu bapa supaya anak tidak menjadi mangsa kepada masalah orang dewasa yang tidak diselesaikan.

Kami juga ingin memaklumkan sepanjang tahun 2021, sebanyak 4% daripada klien kami telah mengangkat satu isu baharu berkaitan hak jagaan anak untuk direkodkan buat pertama kali sejak tahun 2018. Isu baharu tersebut adalah isu berkaitan pendaftaran kerakyatan anak dan bagaimana ia akan mempengaruhi tuntutan ibu bapa terhadap hak jagaan anak itu.

Perkahwinan Kanak-Kanak dan Hala Tujunya di Malaysia




RANGKA KERJA PERUNDANGAN BERKAITAN PERKAHWINAN KANAK-KANAK DI BAWAH KUASA MAHKAMAH SYARIAH

Perkahwinan kanak-kanak masih kekal dan sah di dalam rangka kerja perundangan Malaysia. Pada bulan Mac 2021, Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) SUHAKAM telah mengeluarkan laporan berdasarkan statistik daripada JKSM (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia) yang melaporkan bahawa terdapat 692 permohonan untuk perkahwinan kanak-kanak telah diserahkan untuk pengesahan sepanjang tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 451 permohonan telah dibenarkan. Maka, sebanyak 65.2% permohonan untuk perkahwinan kanak-kanak telah mendapat kebenaran untuk dilangsungkan.


Tatacara Operasi Standard (SOP) yang dirumuskan oleh JKSM² pada 2018 turut memberi perhatian ke atas faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh para hakim untuk membenarkan permohonan bagi perkahwinan kanak-kanak. Permohonan tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian: pendaftaran kes, persidangan kes dan keputusan mahkamah. Bahagian pertama permohonan menumpukan kepada dokumentasi yang betul daripada pemohon. Bahagian ini turut termasuk sebutan kes di mana pendaftar akan mendengar permohonan dari pemohon dan akan membuat keputusan jika tarikh untuk persidangan kes perlu ditetapkan.

2 https://www.mahsyariahmelaka.gov.my/msnmfiles/Pekeliling_ArahanKHS/2018/Arahan%20KHS%20MSNM%20Bil.1-2018.pdf



Bahagian kedua permohonan ini akan diuruskan oleh hakim yang akan mendengar kes tersebut melalui persidangan mahkamah. Hakim yang hadir akan menyoal pemohon kanak-kanak tersebut secara bersendirian di dalam kamar hakim. Beberapa faktor berkenaan perkahwinan kanak-kanak yang akan dipertimbangkan oleh hakim adalah:

- 1 Alasan dan punca untuk perkahwinan kanak-kanak itu dilangsungkan, sama ada terdapat ancaman daripada sebarang pihak atau terdapat keuntungan yang akan dibuat oleh keluarga atau penjaga yang membenarkan perkahwinan tersebut. Hakim juga akan menyoal kerelaan pemohon untuk berkahwin;
- 2 Latar belakang keluarga pemohon seperti tempat tinggal, jumlah adik-beradik, taraf perkahwinan, pekerjaan dan pendapatan mereka akan diambil kira;
- 3 Latar belakang pemohon akan dinilai. Penilaian ini merangkumi taraf perkahwinan ibu bapa pemohon, termasuk juga tempat tinggal, pekerjaan dan taraf perkahwinan bakal suami.
- 4 Satu penilaian akan dilaksanakan bagaimana perkahwinan tersebut membawa kesan ke atas kehidupan pemohon selepas berkahwin seperti pendidikan, punca pendapatan, perwatakan peribadi dan kesihatan pemohon. Dalam penilaian tersebut, hakim akan turut menilai latar belakang kesihatan reproduktif dan seksual pemohon, termasuk juga pemahaman pemohon terhadap tanggungjawab, kewajipan dan kos sara hidup sebagai pasangan berkahwin.
- 5 Penilaian berdasarkan laporan daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan laporan perubatan daripada Kementerian Kesihatan akan turut dilaksanakan. Laporan daripada Polis Diraja Malaysia akan diminta jika perlu.



Bahagian ketiga dan terakhir permohonan bergantung sepenuhnya ke atas keputusan hakim. Selepas pertimbangan dan penilaian berdasarkan faktor-faktor yang disebutkan di atas, hakim kemudiannya akan membuat keputusan bersama 'Alasan Penghakiman'.

Kesimpulannya, SOP yang disediakan oleh JKSM masih belum dapat dilihat sebagai berkesan untuk mengurangkan jumlah perkahwinan kanak-kanak memandangkan data yang dikeluarkan oleh JKSM hanya menunjukkan bilangan permohonan. Alasan atau sebab mengapa sesuatu permohonan itu ditolak atau diluluskan oleh Mahkamah Syariah tidak didedahkan sama sekali.

CADANGAN BERKAITAN PERKAHWINAN KANAK-KANAK

Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan, yang dipersetujui oleh semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 2015, menyediakan satu rangka tindakan bersama untuk keamanan dan kemakmuran rakyat dan persekitaran bumi demi kini dan masa depan. Terdapat 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang perlu diambil tindakan oleh semua negara dalam satu perkongsian sedunia. Matlamat ini mengakui bahawa menamatkan kemiskinan dan kekurangan yang lain harus seiringan bersama strategi yang memperbaiki isu kesihatan dan pendidikan, mengurangkan unsur ketidaksaan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.



Kesaksamaan dan pemerksaan wanita adalah salah satu daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), matlamat yang amat penting kepada semua bidang yang merangkumi pembangunan mampan. Wanita dan kanak-kanak perempuan di serata dunia harus mempunyai hak dan peluang yang sama,

dan mampu menjalani kehidupan yang bebas daripada keganasan dan diskriminasi. Secara ringkas, SDGs yang lain bergantung kepada pencapaian Matlamat 5 (SDG 5) iaitu kesaksamaan gender.

Pada tahun 2020, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat telah melancarkan rancangan lima tahun iaitu “Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur” yang mengandungi rancangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang melibatkan agensi-agensi kerajaan, komuniti dan masyarakat dari tahun 2020 hingga 2025. Ini adalah sebahagian daripada komitmen Malaysia untuk mencapai SDG 5 iaitu kesaksamaan gender serta pemerdayaan wanita dan kanak-kanak perempuan. Salah satu sasarannya ialah menghapuskan segala amalan yang memudaratkan, seperti perkahwinan kanak-kanak, perkahwinan awal dan perkahwinan paksa.

Ini memberi peluang kepada kerajaan dan semua pihak berkepentingan untuk memperbaharui komitmen dalam menangani perkahwinan kanak-kanak melalui pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan, berserta usaha-usaha pelengkap yang lebih strategik dan mampan. Pelan Strategi Kebangsaan turut menyedari bahawa penggubalan undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk menangani perkahwinan kanak-kanak dengan berkesan namun ini bukan alasan supaya tidak melangsungkan serta-merta pindaan undang-undang dan peningkatkan had umur minima perkahwinan. Pelan tersebut harus dilengkapi dengan pelbagai langkah yang menyeluruh untuk memudahkan pelaksanaan dan penguatkuasaan mereka, berserta dengan tindakan susulan, pemantauan dan penilaian keputusan yang telah dicapai.

Berikut adalah langkah-langkah sesuai untuk menangani perkahwinan kanak-kanak:

- 1 Meningkatkan keberkesanan perlindungan sosial dan bantuan sara hidup kepada isi rumah golongan B40.
- 2 Memastikan golongan remaja mendapat akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan seksual reproduktif (SRH) supaya memahami kepentingan melindungi diri daripada aktiviti yang menyebabkan kehamilan di kalangan remaja.
- 3 Meningkatkan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah melalui polisi, perundangan, program dan advokasi.
- 4 Menyediakan mekanisme dan platform membincangkan norma sosial dan stigma untuk pelbagai pihak terhadap isu-isu perkahwinan kanak-kanak.
- 5 Memastikan perundangan yang sedia ada selari dengan polisi kerajaan dalam menghalang perkahwinan di bawah umur 18 tahun, berserta tindakan menaikkan had umur minimum perkahwinan bagi perempuan di bawah Undang-undang Keluarga Islam.
- 6 Selaraskan statistik perkahwinan dan perceraian di Malaysia termasuklah yang di bawah umur 18 tahun.


UMUR MINIMUM PERKAHWINAN

~~16 TAHUN~~
18 TAHUN



Ini adalah langkah-langkah menyeluruh yang perlu diambil untuk menamatkan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. SIS tegar dengan komitmen kami dalam menangani perkahwinan kanak-kanak di Malaysia, satu misi yang selari dengan matlamat yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui SDG 5. SIS berpendirian bahawa meningkatkan umur minimum perkahwinan dari 16 ke 18 tahun tanpa pengecualian bagi semua perempuan di Malaysia melalui pindaan undang-undang negeri dan persekutuan adalah amat penting dan perlu dilaksanakan.

Pada tahun 2018, satu pindaan di negeri Selangor untuk meningkatkan had umur minimum perkahwinan dari 16 ke 18 tahun bagi perempuan telah dibuat. Pindaan tersebut dibuat di bawah undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Enakmen 2003 dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Pindaan ini turut membuktikan yang had umur minimum perkahwinan boleh dinaikkan melalui pindaan perundangan di seluruh Malaysia. Namun, pindaan perundangan sahaja tidak mencukupi. Langkah-langkah yang lebih menyeluruh perlu diambil untuk membantu dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang. Pemantauan berterusan perlu dijalankan terhadap anggota pendaftar dan pegawai yang bertanggungjawab ke atas pendaftaran dan tatacara perkahwinan supaya sasaran yang menyeluruh ke arah pemansuhan perkahwinan kanak-kanak boleh dicapai. Tindakan untuk mewajibkan kehadiran ke sekolah menengah juga adalah penting supaya peluang yang sama dapat diberi kepada semua kanak-kanak di Malaysia.



SIS mencadangkan dua langkah bagi mengukuhkan lagi tatacara sedia ada yang sedang diguna pakai oleh Mahkamah Syariah semasa membuat pertimbangan terhadap permohonan perkahwinan kanak-kanak. Langkah-langkah berikut hanya berkesan jika semua pihak bersedia untuk melaksanakannya sebagai langkah sementara bagi jangka masa tertentu:

1 Mengeratkan pertalian badan kehakiman dengan agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Ini adalah langkah yang penting kerana agensi-agensi kerajaan adalah juga penggubal dasar yang boleh membawa kesan yang positif untuk kehidupan kanak-kanak. Badan bukan kerajaan yang mempunyai kepakaran dan pengalaman kerja di peringkat akar umbi boleh membantu dan menyediakan perundingan kepada agensi kerajaan melalui penglibatan bersama untuk melaksanakan dasar baharu. Kerjasama ini akan menjamin tatacara dan permohonan perkahwinan kanak-kanak yang lebih ketat.


2 Statistik tahunan berdasarkan permohonan perkahwinan kanak-kanak dan alasan penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Syariah untuk meluluskan atau menolak permohonan perlu dikumpul oleh Mahkamah Syariah sendiri dan diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dan kemudiannya perlu dibentangkan dan dilaporkan di Parlimen supaya kecenderungan untuk berlakunya perkahwinan kanak-kanak dapat dikenal pasti. Melalui statistik tersebut, pelbagai analisis boleh dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kait di antara jumlah permohonan dan faktor-faktor yang mendorong ke arah perkahwinan kanak-kanak. Suatu arkib juga boleh diasaskan untuk penyimpanan data berkaitan perkahwinan kanak-kanak supaya data tersebut mudah dikongsi dan diguna pakai kemudiannya.

Kesimpulan

Perkahwinan kanak-kanak adalah satu isu rumit yang mendatangkan kesan kepada masyarakat di Malaysia. Usaha untuk menamatkan perkahwinan kanak-kanak memerlukan penyelarasan yang merentasi pelbagai sektor seperti pendidikan, kesihatan, perundangan, kebajikan masyarakat, pihak berkuasa agama dan penguatkuasaan undang-undang di peringkat tempatan, kebangsaan dan serantau.



Bagaimana Anda Boleh Membantu?

Sumbangan anda boleh disalurkan menerusi:
SIS Forum (Malaysia) - 5641 8240 5457 (Maybank)



Organisasi Yang Membantu Dan Menyokong Wanita

Telenisa Helpline

  012-812 3424

Nasihat guaman percuma berkenaan Undang-undang Keluarga Islam dan kesalahan jenayah Syariah

Sarawak Women for Women Society (SWWS)

082-368 853

Kaunseling dan nasihat guaman percuma

Sabah Women's Action Resource Group (SAWO)

088-269 291

Kaunseling dan nasihat guaman percuma

Women Centre for Change (WCC) Seberang Prai

04-398 8340

Kaunseling dan nasihat guaman percuma

Women Centre for Change (WCC) Penang

04-228 0342

Kaunseling dan nasihat guaman percuma

Legal Aid Centre (Selangor)

03-5510 7007

Perwakilan guaman percuma

Talian NUR

15999

Keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak

All Women's Action Society (AWAM)

03-7877 4221

Kaunseling, gangguan seksual dan kes rogol

Women's Aid Organisation (WAO)

03- 3000 8858

Kaunseling dan tempat perlindungan untuk keganasan terhadap wanita

Perak Women for Women (PWW)

05-546 9715

Kaunseling

Legal Aid Department Malaysia

03-88851827 (Civil)
03-88851094 (Syariah)

Nasihat guaman dan bantuan guaman percuma

Legal Aid Centre (Kuala Lumpur)

03-2691 1121

Perwakilan guaman percuma



Sisters in Islam

SIS FORUM - MALAYSIA (266561W)

No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

T +603 7960 3357 / 5121 / 6733

E sis@sistersinislam.org.my

W www.sistersinislam.org

KLINIK GUAMAN TELENISA

No. 4, Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

T +6012 812 3424

E telenisa@sistersinislam.org.my

Waktu Operasi: Selasa, Rabu & Khamis
Dari 10:00AM hingga 5:00PM

 Telenisa @telenisa.sis

 @telenisa

 @telenisa_sis

Telenisa Disokong Oleh:



FRIEDRICH NAUMANN
FOUNDATION For Freedom.
Malaysia



Sisters in Islam (SIS) @officialSIS



@sistersinislam.my



@SistersInIslam




Sisters in Islam (SIS) MYS

TELENISA



ISBN 978-983-2622-51-2



9 7 8 9 8 3 2 6 2 2 5 1 2

Telenisa Statistik & Dapatan
2021